

Private & Confidential. Not For Circulation. For CTIM Members Only.

Response by the Royal Malaysian Customs Department to the Customs policy issues raised and deliberated at the **Customs-Private Sector Consultative Panel (CPSCP) Meeting No. 1/2023** (“Minit Mesyuarat Panel Perundangan Kastam-Swasta Bil. 1/2023”) which was held on 16 May 2023 and extracted from the minutes of the meeting (from page 6 to 62).

Kindly refer to the next page below.

3.4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.4.1 *GST Refunds Based on Returns Submitted / Revised After 2018 – MAICCI*

3.4.1.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. Although GST was abolished in 2018, some businesses only later identified compliance mismatches. Businesses are offered avenue to voluntarily disclose any under-declaration of GST under the VA program until 30th Sept 2022 and RMCD has retained until 2024 under the GST Repeal Act to issue demands in respect of under-declaration of GST. However, in cases where businesses have inadvertently not claimed input tax credit, it appears that similar timelines are not observed.*
- ii. While we understand that Section 8(1) of GST Repeal Act 2018 provides for a deadline by December 2018 for the GST return for the final taxable period, we hope that it is acknowledged that come forward later than 2018 to claim input tax credit has no ill-intention but instead have already suffered cash flow disadvantage by not making a claim earlier for the input tax which has already been paid.*
- iii. In fact, we also note that sections 4 and 8(2) of the GST Repeal Act also provides for 6 years in respect of refund activities.*

3.4.1.2 Cadangan:

On the basis the taxpayers who make a claim for GST input tax after 2018 are not the ill-intended taxpayers avoid taxes but rather law-abiding taxpayers whom have

already been subject to cash flow disadvantage for not making a claim sooner for the input tax they have paid to their vendors. Particularly in cases where the vendor has already made the output.

3.4.1.3 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Pada mesyuarat terdahulu, Cawangan Khas, Bahagian Cukai Dalam Negeri menyatakan bahawa Seksyen 8(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 memperuntukkan bahawa cukai input yang tidak dituntut sebelum tarikh yang ditetapkan, ianya hendaklah dituntut dalam penyata akhir tersebut dalam tempoh 120 hari dan tuntutan cukai input berkenaan adalah dikira muktamad.
- ii. Mengikut peruntukan Seksyen 8 Akta CBP (Pemansuhan) 2018 tiada mekanisma untuk orang kena cukai menuntut cukai input melalui Penyata GST-03 selepas tarikh akhir tersebut berakhir.
- iv. Berhubung dengan cadangan untuk mengkaji polisi bagi melanjutkan tempoh tuntutan ITC selepas 120 hari, kajian telah dibuat dan dalam proses untuk mendapatkan pandangan daripada pihak tadbir urus Jabatan.

3.4.1.4 Mesyuarat membuat keputusan:

Wakil daripada Bahagian Cukai Dalam Negeri menyatakan permohonan tuntutan ITC boleh dipertimbangkan tertakluk kepada proses verifikasi atau auditan JKDM melalui *case-by-case basis*.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.2 LMW Company Surrenders LMW Licence, and Applies to be Sales Tax Registered Manufacturer – MICCI

3.4.2.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. *Based no sales tax to be paid due on transfer of stock of taxable goods when the company cancels its LMW licence and becomes a sales tax registered manufacturer.*
- ii. *We understand that the LMW companies are governed under the Customs Act 1967, and generally the Customs would clawback the duty / sales tax exempted on the stock of raw materials, packaging materials, machinery, equipment on hand at the date of cessation of the LMW licence.*
- iii. *At present under Section 11(4) of the Sales Tax Act 2018 ("SATA"), no sales tax is due on the acquisition/ purchase of taxable goods by another person succeeding the business of the registered manufacturer who ceases his manufacturing business.*
- iv. *However, since LMW companies are not registered manufacturers under SATA, they are not able to apply the present Section 11(4) rule, even though the raw materials, packaging materials, machinery, equipment from their LMW operations would be used for the subsequent sales tax manufacturing operations.*
- v. *MICCI has proposed for JKDM to allow for Section 11(4) to apply to LMW manufacturers, or to have an internal policy to allow such sales tax exemption to be applicable to companies surrendering LMW licence to be sales tax registered manufacturers. This will ease the cashflow /*

tax burden as there is no loss of revenue to the government.

- vi. Pada mesyuarat terdahulu, Bahagian Perkastaman memaklumkan bahawa secara dasarnya, barang yang dikeluarkan daripada premis GPB adalah dikenakan duti import dan cukai jualan. Sekiranya syarikat telah membatalkan lesen GPB, syarikat tidak layak untuk menikmati sebarang kemudahan di bawah pelesenan GPB.
- vi. Bagi tujuan pertukaran status GPB kepada Pengilang Berdaftar, baki bahan mentah serta mesin dan peralatan yang dipindahkan adalah tertakluk kepada duti import dan cukai jualan melainkan pihak syarikat mempunyai pengecualian tertentu ke atas barangan tersebut.

3.4.2.2 Cadangan:

- i. Pada mesyuarat terdahulu, mesyuarat telah bersetuju untuk pihak MICCI menyediakan kertas kerja / cadangan yang lengkap berkenaan kedua-dua cadangan kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri untuk dikaji sebelum dimajukan kepada MOF untuk penetapan dasar yang berkaitan dengan cukai jualan.
- i. YBrS. Puan Pengerusi telah meminta agar status dan isu pembatalan LMW dimaklumkan pada mesyuarat hari ini.

3.4.2.3 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Tiada kertas kerja atau cadangan daripada pihak MICCI yang telah diterima oleh Bahagian Cukai Dalam Negeri sehingga kini.

- ii. Mesyuarat sekali lagi memaklumkan kepada pihak MICCI untuk mengemukakan kertas cadangan berhubung penggunaan Seksyen 11(4) Akta Cukai Jualan 2018 kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri untuk dikaji dan dipanjangkan kepada pihak MOF.
- ii. Tindakan hanya akan dibuat oleh Bahagian Cukai Dalam Negeri selepas menerima kertas cadangan yang dikemukakan oleh MICCI.

3.4.2.4 Mesyuarat membuat keputusan:

Usul ini digugurkan kerana telah diambil tindakan selepas MICCI menghantar kertas kerja kepada pihak MOF.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.3 *Registered Manufacturer (RM) Imports Raw Materials Under C1 Sales Tax Exemption, But Due to Quality Issues, RM has to Return the Raw Materials to Overseas Supplier – MICCI*

3.4.3.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. *Scenario: Registered Manufacturer (RM) imports raw materials under C1 sales tax exemption, but due to quality issues, RM must return the raw materials to overseas supplier.*
- ii. *Current practice: RM must submit SST-ADM form and pay the sales tax on the said raw materials. After RM exports the raw materials, RM would then submit the JKED2 to claim sales tax paid.*
- iii. Pada mesyuarat terdahulu, Cawangan Kemudahan, Bahagian Cukai Dalam Negeri menyatakan berdasarkan senario yang diberi, didapati syarikat tidak mematuhi

syarat (c) butiran 1 Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 iaitu;

“That the goods shall be used solely in the manufacturing of finished goods of the person mentioned in column (2)”

- iv. Oleh itu, syarikat perlu membayar semula cukai jualan ke atas pengimportan bahan mentah yang telah mendapat pengecualian kerana tidak digunakan di dalam pengilangan.
- v. Cukai jualan yang dibayar melalui SST-ADM tidak boleh dituntut untuk pembayaran balik (*refund*) kerana syarikat telah melanggar syarat pengecualian cukai jualan yang telah ditetapkan.
- vi. Pada mesyuarat terdahulu juga, YBrS. Puan Pengerusi telah meminta agar PUJ membuat kajian berkenaan perkara ini dan status perlu dikemukakan pada mesyuarat hari ini.

3.4.3.2 Cadangan

- i. Wakil daripada Kementerian Kewangan menyatakan polisi dan dasar sedia ada yang berkaitan dengan perkara ini adalah sangat jelas dan masih terpakai.
- ii. Walau bagaimanapun, kajian perlu dibuat dari segi proses kerja dan prosedur bagi tujuan penambahbaikan dan penyelesaian kepada perkara yang dibangkitkan.
- iii. Pada mesyuarat hari ini, Pengerusi Bersama menyuarakan pendapat bahawa peruntukan pulangan balik (*drawback*) di bawah Akta Cukai Jualan 2018 seharusnya boleh diguna pakai dalam keadaan ini.

- iv. Pengerusi Bersama juga ada menyatakan bahawa peruntukan pulang balik (*drawback*) di bawah Seksyen 40, Akta Cukai Jualan 2018 adalah untuk mengekalkan konsep cukai jualan seperingkat dan memulangkan balik cukai jualan yang telah dibayar berkenaan dengan barang bercukai yang kemudiannya dieksport.
- v. Wakil daripada MIA membangkitkan peruntukan seksyen 27(6), Akta Cukai Jualan 2018 di mana sekiranya orang kena bayar cukai (*taxable person*) boleh membuktikan bahawa barangan bercukai telah dieksport, maka Ketua Pengarah Kastam tidak perlu membuat taksiran cukai terhadap barang yang telah dieksport.
- vi. MIA berpendapat syarat di bawah sesuatu perintah (mengenai pengecualian) seharusnya ditafsir supaya konsisten dengan peruntukan Akta tersebut. Oleh kerana seksyen 27(6), Akta Cukai Jualan 2018 telah memberikan suatu kemudahan (*facility*) untuk mengeksport tanpa cukai ditaksirkan justeru tiada pelanggaran syarat harus ditafsirkan di bawah perintah pengecualian tersebut. MIA berharap pihak JKDM boleh mengambil kira peruntukan seksyen 27(6), Akta Cukai Jualan 2018 semasa membuat kajian mengenai perkara ini.

3.4.3.3 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Bahagian Perundangan berpendapat peruntukan perundangan berhubung dengan perkara berbangkit adalah jelas sebagaimana dinyatakan melalui perenggan (c), butiran 1, Jadual C, P.U.(A) 210/2018 termasuklah pandangan wakil JKDM bagi isu yang sama.
- ii. Kajian berkenaan proses kerja dan prosedur berkenaan perkara ini akan dibuat oleh Cawangan Dasar Cukai Jualan, Bahagian Cukai Dalam Negeri.

- iii. Wakil daripada Cawangan Dasar Cukai Jualan, Bahagian Cukai Dalam Negeri menyatakan kertas cadangan boleh dikemukakan oleh pihak MICCI berkenaan perkara ini dan perbincangan diluar mesyuarat boleh dibuat untuk membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci.
- iv. Mesyuarat bersetuju pihak JKDM perlu mempunyai pegawai yang cukup untuk membuat verifikasi yang lengkap dalam menghadapi situasi seperti ini agar dapat mengelakkan daripada ketidakpatuhan undang-undang oleh pihak syarikat dan ketirisan hasil Jabatan.
- v. Mesyuarat bersetuju laporan perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

3.4.3.4 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Cukai Dalam Negeri memaklumkan deraf cadangan penambahbaikan syarat di bawah Jadual C, Butiran 1, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 telah dikemukakan kepada MOF pada 12 Mei 2023.
- ii. MOF telah menerima deraf cadangan tersebut dan masih dalam proses penelitian lanjut.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.4 *Unproductive Workflow – SAM*

3.4.4.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. *Despite with EDI transmission via Dagang Net being implemented and working in East Malaysian Ports, JKDM still requires manual manifest to be submitted. Kindly ignore Muara Brunei as their submission are solely manual.*

- ii. *Affected ports are namely Kota Kinabalu, Bintulu, Sandakan, Tawau, Kuching, Sibul, Miri, and Labuan.*
- iii. *Manual submission is a repetitive workflow and incurred wasted manpower and unproductive at this digital age.*
- iv. Bahagian Perkastaman memaklumkan bahawa pihak Jabatan menggunakan tatacara sedia ada iaitu penyerahan manifes secara dalam talian. Walau bagaimanapun terdapat pihak berkuasa pelabuhan yang memerlukan dokumen (*Manual Manifest*) yang telah disahkan oleh pihak Kastam.
- v. Satu sesi perbincangan telah diadakan di antara Bahagian Perkastaman, Bahagian Teknologi Maklumat Maklumat dan DagangNet bersama stesen-stesen yang terlibat iaitu Sabah dan Sarawak pada 07 Jun 2022. Hasil perbincangan didapati kekangan yang dihadapi adalah dari segi sistem di mana tiada integrasi dengan *port authority* dan *Other Government Agency (OGA)*. Bagi mengatasi permasalahan ini, sistem baharu akan dibangunkan dan dijangka beroperasi pada 2027.
- vi. Pada mesyuarat terdahulu, Tuan Pengerusi telah meminta agar perkara ini dibincangkan dengan *port authority* dan OGA dan status perbincangan perlu dimaklumkan pada mesyuarat hari ini.

3.4.4.2 **Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:**

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan sesi perbincangan bersama pihak berkuasa pelabuhan telah dijalankan dan didapati bahawa terdapat beberapa pihak berkuasa pelabuhan yang telah mempunyai sistem bagi penghantaran manifes secara elektronik.

- iii. Keperluan untuk menghantar salinan manifes secara *hardcopy* adalah kerana:
 - a. Terdapat Pelabuhan yang tidak mempunyai sistem untuk menerima penghantaran manifes secara elektronik.
 - b. Pelabuhan yang telah mempunyai sistem untuk menerima penghantaran manifes secara elektronik masih memerlukan salinan manifes secara *hardcopy* bagi tujuan semak silang ke atas maklumat yang telah dihantar di dalam sistem.
 - c. Salinan manifes secara *hardcopy* juga diperlukan oleh pihak OGA kerana maklumat di dalam sistem adalah tidak terperinci.
 - d. Justeru itu, adalah dimohon pihak SAM memanjangkan isu ini kepada pihak berkuasa pelabuhan terus bagi tujuan penyelesaian.
- iii. Wakil daripada MOF berpendapat adalah agak sukar bagi JKDM untuk memberi arahan kepada agensi lain berkenaan tatacara atau proses kerja yang di bawah seliaan mereka. JKDM juga dilihat tidak sesuai untuk mencampuri urusan dalaman agensi yang terlibat.
- iv. Wakil daripada SAM berharap JKDM dapat menjadi pemudah cara dalam membantu pihak swasta menangani masalah ini.
- v. Bahagian Perkastaman akan membuat kajian berkenaan perkara ini dan akan berbincang dengan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) kerana ia juga melibatkan sistem.

- vi. Wakil daripada BTM memaklumkan JKDM dalam perancangan membina sebuah sistem yang baharu bagi menaik taraf sistem SMK sedia ada.
- vii. Selain itu, wakil daripada BTM memaklumkan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) juga dalam perancangan untuk membina sebuah sistem standard di semua pelabuhan dalam negara yang akan melibatkan integrasi di antara semua agensi berkaitan bagi memudahkan urusan di pelabuhan.
- viii. Wakil daripada MIA pula berpendapat semua sistem yang bakal dibangunkan oleh agensi-agensi ini sepatutnya dibincang bersama agar tidak terjadi pertindihan sistem dan pembaziran untuk membina semula sistem yang baharu di masa akan datang.
- ix. Mesyuarat bersetuju bahawa penghantaran manifest masih perlu dibuat secara manual buat masa ini.
- x. Mesyuarat juga bersetuju kemaskini berkenaan perkara ini perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

3.4.4.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah mengadakan lawatan ke JKDM Sabah dan Sabah Port Sdn Bhd pada awal Februari 2023 bagi mengenal pasti isu yang dibangkitkan.
- ii. Susulan itu, Bahagian ini telah mengadakan lawatan ke JKDM Zon Sabah pada 14 Februari 2023. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mengarahkan pihak terlibat untuk menghantar manifest secara elektronik dan mendapatkan maklum balas dengan agensi lain berkaitan isu penghantaran manifest secara manual.

- iii. Hasil perbincangan dengan pihak JKDM Zon Sabah, Jabatan Laut, Jabatan Dermaga dan Pelabuhan Sabah, Sabah Port Sdn Bhd serta ejen-ejen perkapalan, pihak Sabah Port Sdn Bhd memaklumkan masih memerlukan penghantaran manifest secara manual sehingga sistem mereka siap dibangunkan dan sedia digunakan.
- iv. Untuk makluman, Sabah Port Sdn Bhd ketika ini sedang membangunkan sistem port mereka sendiri yang merangkumi modul manifes.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.5 Prohibition of Imports order and manner of import - FMFF

3.4.5.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. The prohibition of imports order detailing the manner of import in the DNT system is not complete, where the manner of import would state the permit and the agency responsible for the issuance of permit. Most recently, members have received an indicator in the system after declaration, that a permit is required but this was not flagged during the time of declaration in the DNT system.*
- ii. The example involved HS codes 3214, 7314, 7318, 7220, 8302 and 8308, which showed that a permit was required from the Ministry of Home Affairs.*
- iii. Members also reported that when this happened, Customs may also issue a compound.*
- iv. As the information that a permit from Ministry of Home Affairs was not available in the system, through the tariff finder, our members should not be penalized by Customs for that.*

- v. FMFF juga menyatakan masalah ini timbul di Labuan, Sabah dan Sarawak.
- vi. *FMFF wish to request Perkastaman to address the issue and make sure that the manner of import for goods under the Prohibition of Imports Order should be properly updated. In the meantime, until the issue is resolved, FMFF request that Customs do not impose any penalty on our members.*

3.4.5.1 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkhidmatan Teknik telah menyatakan perkara berikut semakan data telah dibuat bagi HS kod 3214, 7314, 7318, 7220, 8302 dan 8308, mendapati SMK memaparkan *alert* bagi tujuan kawalan import selaras dengan keperluan di bawah Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 yang dikawal oleh agensi kawalselia (OGA). *Alert* ini adalah sebagai panduan kepada pegawai penaksir supaya merujuk kepada OGA yang berkaitan serta keperluan di bawah *manner of import* seperti yang dinyatakan di dalam Perintah.
- ii. DNT sistem bukan di bawah seliaan pihak JKDM dan JKDM tiada kuasa untuk mengubah sistem berkenaan.
- iii. Syarikat telah dinasihatkan untuk berhubung terus dengan pihak DagangNet bagi perkara yang ditimbulkan.
- iv. Mesyuarat bersetuju bahawa masalah ini adalah berkaitan dengan isu teknikal yang membabitkan sistem DagangNet yang tidak dikemaskini selari dengan sistem SMK Kastam.
- v. Mesyuarat juga bersetuju kemaskini berkenaan perkara ini perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

3.4.5.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkhidmatan Teknik memaklumkan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) telah dikemaskini melalui P.U.(A)117/2023 berkuatkuasa 15 April 2023. Data mengenai larangan telah juga dikemaskini dalam sistem SMK. Sekiranya masih berlaku kesilapan teknikal, pihak syarikat boleh berhubung terus dengan pegawai di Bahagian Perkhidmatan Teknik atau Bahagian Teknologi Maklumat.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.6 **Pertukaran dari *bonded truck* ke *bonded truck* yang lain - FMFF**

3.4.6.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

Pertukaran dari *bonded truck* ke *bonded truck* yang lain tidak dibenarkan kecuali trak tersebut terlibat dengan kemalangan atau kerosakan.

- i. PFFA/FMFF mohon pertukaran trak dibenarkan keatas *bonded truck* yang memunggah muatan ke dalam beberapa trak untuk penghantaran dengan tujuan dapat mempercepatkan penghantaran dan menjimatkan kos.

Contoh:

Sebuah *bonded truck* 40ft (*consolidation cargo*- muatan K1, 2 & 8 disatukan daripada Singapura ke GBA Pulau Pinang. Sebahagian daripada muatan diturunkan di GBA tersebut dan sebahagian muatan tersebut akan dimuatnaik ke beberapa *bonded truck* untuk penghantaran.

- ii. Syarat-syarat pemindahan kargo K1, K2 & K8 disatukan dalam *bonded truck (Consolidation)*.
- iii. Pihak agen sedia maklum syarat-syarat ke atas pemindahan kargo K1, K2 & K8 disatukan dalam *bonded truck*.
 - a. Kargo-kargo K1 & K2 hendaklah dimuat naik terlebih dahulu dan diikuti kargo K8 dan sil telat.
 - b. Dipecah sil dan kargo K8 diturunkan di Pusat Kawalan Kastam (PCA) dan diikuti kargo-kargo K1 & K2.
- iv. Usul ini telah dibawa ke MJPKS Bil.1-2022 bertarikh: 22hb Jun 2022 dan keputusannya tidak dapat dibuat kerana ianya melibatkan keputusan dasar.
- v. Mohon pihak JKDM Ibu Pejabat dapat mempertimbangkan permohonan ini.

3.4.6.2 **Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:**

Bahagian Perkhidmatan Teknik telah menyatakan perkara berikut:

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan cadangan agar dibenarkan pertukaran *bonded truck* ke *bonded truck* yang lain adalah dipertimbangkan.
- ii. Satu kajian akan dijalankan untuk melihat daripada aspek perundangan, perubahan prosedur, mekanisme pelaksanaan dan implikasinya sebelum sebarang keputusan diambil.

- iii. Perbincangan lanjut juga akan dibuat bersama negeri-negeri terlibat bagi membincangkan tentang panduan pelaksanaan bagi memantau pergerakan Borang Kastam 8 (K8).
- iv. Mesyuarat juga bersetuju kemaskini berkenaan perkara ini perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

3.4.6.3 **Mesyuarat membuat keputusan:**

- i. Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah mengadakan perbincangan dengan JKDM Pulau Pinang dan JKDM Selangor untuk mendalami cadangan yang diutarakan dan secara dasarnya cadangan tersebut adalah diterima. Satu kertas cadangan yang memperincikan senario, justifikasi, kekangan yang wujud dan cadangan prosedur pertukaran *bonded truck* ke *bonded truck* yang lain akan dibincang dengan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Perundangan dalam jangkaan bulan Jun 2023 bagi mendapatkan pandangan dan nasihat lanjut dari aspek kawalan, pemantauan, privasi dan perundangan sebelum ianya diangkat ke pihak pengurusan tertinggi Jabatan untuk pertimbangan keputusan.
- ii. Wakil daripada FMFF telah terima satu (1) aturan perjalanan berkenaan pergerakan *bonded truck* daripada pemain-pemain industri.
- iii. Pengerusi Mesyuarat telah menyatakan pihak JKDM akan mempertimbangkan usul tersebut dan JKDM tiada halangan untuk membantu melicinkan urusan perniagaan pemain industri.
- iv. Pihak FMFF juga berharap agar pihak JKDM mempertimbangkan cara untuk meluluskan permohonan

ini bagi mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh pemain industri.

- v. Pengerusi Mesyuarat berharap perbincangan berkenaan hal ini yang bakal berlangsung pada Jun ini perlu dibuat dengan lebih terperinci dan teliti dan semua pemain industri yang berkaitan perlu terlibat secara langsung di dalam perbincangan ini.
- vi. Pengerusi Mesyuarat menyatakan prosedur yang akan dibuat oleh pihak JKDM akan terpakai secara seragam bagi pergerakan *bonded truck* di seluruh negara.
- vii. Kemaskini berkenaan perkara ini akan dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

Tindakan: Bahagian Perkastaman

3.4.7 SHIPPING AGENT LICENSE (LESEN EJEN PERKAPALAN) UNDER SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967 – SAM

3.4.7.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. It is now a requirement that all shipping agent must apply for a license and to be renewed every 2 years (some 5 years) depending on the period granted by customs.*
- ii. In the past there are requirements like Bumiputera equity, management & staff ratio that has to be met. As of now these requirements are not mandatory.*
- iii. Only when during renewal of license, customs may look at whether the shipping agent has adhered and met customs rules & regulation i.e compounds if any.*

- iv. *Question SAM would like to ask is "Do customs still need to go through the process of issuing shipping license" to save manpower and the long process for license renewal.*
- v. *Or maybe customs can share further on the need for licensing the shipping agent.*
- vi. *SAM suggestion is for customs Putrajaya to review the possibility of waiving the "shipping license requirement" requirement for shipping agent to operate.*
- vii. *Customs can still control the shipping agents if they do not follow customs rules and regulation anytime by the way of compound & fines.*
- viii. *Customs can still insist of shipping agents management and staff must undergo the "KEP" training, etc, etc...*
- ix. *Further comments from Customs, if any for better understanding on the continued need for Customs issuance of "shipping agent licensing"*

3.4.7.2 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman berpendapat masih terdapat keperluan ke atas kelulusan untuk bertindak sebagai ejen kastam perkapalan walaupun keperluan untuk mematuhi syarat-syarat Bumiputera telah dihapuskan. Ini adalah bagi tujuan kawalan ke atas syarikat yang telah berdaftar serta bagi keperluan statistik dan *risk management*.

- ii. SAM juga telah menyatakan persetujuan terhadap kenyataan yang mengatakan keperluan JKDM dalam mengawal dan membuat pengukuran *risk management* melalui pembaharuan Lesen Agen Perkapalan.
- iii. Walau bagaimanapun, pihak swasta ingin mengenalpasti apakah syarat kelayakan bagi tempoh pembaharuan Lesen Agen Perkapalan yang diberikan oleh pihak JKDM kerana ada yang mendapat lima (5), tiga (3) atau satu (1) tahun.
- iv. Wakil daripada Bahagian Perkastaman menyatakan tempoh tersebut dibuat oleh stesen mengawal di mana ia dibuat berdasarkan kepada penilaian kepatuhan syarikat dalam membuat pembayaran kepada JKDM. Sebagai contoh, jika syarikat tidak pernah mempunyai rekod terlewat bayar, syarikat tersebut akan mendapat lesen dalam tempoh 5 tahun.
- v. Mesyuarat bersetuju Bahagian Perkastaman akan membuat kajian berkenaan perkara ini di mana lesen akan diberikan dalam tempoh standard iaitu selama 3 tahun bagi semua permohonan (termasuk penghantaran dan perkapalan) dengan syarat semua kriteria telah dipenuhi.
- vi. Pihak swasta juga meminta untuk pihak JKDM mengeluarkan panduan jelas dan terperinci berkenaan kriteria yang perlu dipatuhi atau kesalahan yang perlu dielakkan bagi membolehkan lesen dihidupkan dalam tempoh standard iaitu selama 3 tahun.
- vii. Mesyuarat juga bersetuju kemaskini berkenaan perkara ini perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.

3.4.7.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah membuat keputusan tempoh kelulusan untuk bertindak sebagai ejen Kastam dinaikkan daripada 2 tahun kepada 3 tahun bagi semua kategori ejen kastam. Ini adalah bagi menyelaraskan dan menyeragamkan tempoh kelulusan yang berbeza-beza mengikut negeri.
- ii. Surat pemakluman telah diberikan pada 15 Disember 2022 dengan nombor rujukan KE.HE(-)646/04KLT.10(46A).

Tindakan: Makluman / Selesai

3.4.8 *Proposed single application procedure for customs duties and sales tax exemptions – MIA*

3.4.8.1 Mesyuarat terdahulu mengambil maklum:

- i. *Reference is made to para 5.10 of Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam – Swasta Bil. 2/2019 held on 28 November 2019, where it was mentioned a separate application procedure for Customs duties exemption and sales tax exemption, respectively, is required to be made to different divisions within Customs for duty and tax e.g. for duty and tax exemption on machinery, equipment and spare parts under item 112, Customs Duties Exemption Order vs item 55, Sales Tax Exemption Order, and, goods for petroleum upstream operations under item 67, Customs Duties Exemption Order vs item 45, Sales Tax Exemption Order.*
- ii. *The separate procedure for duty and tax exemption required to be made to different divisions of Customs is*

confusing to eligible persons. There have been cases where eligible persons complied with 1 procedure only thinking that it covered both duty and tax exemption but later found out that they were exempted for only duty but not exempted for sales tax.

- iii. In para 5.10, 2/2019 meeting, Customs clarified that the separate procedures for duty and tax exemption would be unified under uCustoms. However, since uCustoms has been scrapped, eligible persons are still facing confusion and burden of tax that should have been exempted.*
- iv. Since uCustoms has been scrapped, it is recommended that Customs allows single manual procedure for both duty and tax exemption, as an alternative option to eligible persons, instead of the separate manual procedure for duty exemption and online procedure for sales tax exemption certificate.*
- v. The above is until any unified online procedure for duty and tax exemption is studied and implemented by Customs in the future.*

3.4.8.2 Mesyuarat terdahulu membuat keputusan:

- i. Satu perbincangan bersama Bahagian Cukai Dalam Negeri dan Bahagian Perkastaman adalah diperlukan kerana melibatkan pertukaran/ prosedur permohonan dan bahagian yang mengawal pengecualian duti dan cukai jualan di bawah perintah-perintah pengecualian duti dan cukai jualan.*
- ii. Cadangan dipersetujui untuk dipertimbangkan.*
- iii. Mesyuarat juga bersetuju kemaskini berkenaan perkara ini perlu dikemukakan pada mesyuarat akan datang.*

3.4.8.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman menyatakan JKDM bersetuju dengan cadangan menyatukan proses permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan (*single application procedure*) di bawah perintah pengecualian dan di bawah kawalan satu bahagian sahaja.
- ii. Perbincangan telah diadakan dengan Bahagian Cukai Dalam Negeri, Bahagian Teknologi Maklumat dan Syarikat Edaran Komputer Sdn. Bhd. Perbincangan tersebut telah memutuskan untuk menggunakan sistem MySST bagi empat butiran pengecualian terlibat iaitu:
 - a. Butiran 67 PDK(P) 2017 & Butiran 45, Jadual A, PCJ(P) 2018 – *Petroleum Upstream Operator*;
 - b. Butiran 85 PDK(P) 2017 & Butiran 54, Jadual A, PCJ(P) 2018 – Pengilang di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967;
 - c. Butiran 112 PDK(P) 2017 & Butiran 55, Jadual A, PCJ(P) 2018 – Pengilang KUK disahkan oleh MIDA; dan
 - d. Butiran 113 PDK(P) 2017 & Butiran 64, Jadual A, PCJ(P) 2018 – Pengusaha Hotel disahkan oleh MIDA.
- iii. Bahagian Teknologi Maklumat dan Syarikat Edaran Komputer Sdn. Bhd. akan membuat konfigurasi ke atas sistem MySST dan dalam jangkaan tiga bulan untuk diselesaikan.
- iv. JKDM akan mengeluarkan surat makluman dan surat pekeliling mengenai tatacara pelaksanaan pengecualian

yang baharu setelah konfigurasi ke atas sistem MySST siap sepenuhnya serta prosedur kawalan diwujudkan.

- v. MIA menyatakan kemungkinan tedapat butiran-butiran lain di bawah perintah-perintah pengecualian duti dan cukai jualan yang melibatkan pengecualian duti dan cukai jualan sekaligus. MIA meminta penjelasan mengenai butiran-butiran lain tersebut dan bagaimanakah hanya 4 butiran tersebut sahaja yang telah dipilih untuk prosedur permohonan online yang disatukan.
- vi. Bahagian Perkastaman menjelaskan bahawa 4 butiran yang disebut telah dipilih sebagai pilot dan sekiranya didapati berjalan lancar, butiran-butiran terbabit yang lain akan turut disertakan dalam sistem *online* yang sama.

Tindakan: Bahagian Perkastaman

3.5 USUL-USUL BAHARU

3.5.1 *Issue On The Importation Of Goods In Container – SAM*

3.5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum

- i. *Interpretation on the Bill Of Lading clause shipper's load and count CY/CY (Container Yard to Container Yard) basis.*
- ii. *In international trade these are terms used by the exporter (cargo owner) when they export in container. This legally means the cargo was packed, stacked, loaded and sealed (using carrier seal) into the container in a specific order by the exporter. The shipping line has no knowledge, legally is unable to open, check or verified the contents inside the container once sealed by the exporter.*

- iii. *The shipping line legally can only accept the declaration submitted by the exporter as total truth and correct.*

3.5.1.2 Cadangan:

- i. *If there is any dispute or discrepancies found by RMCD on the importer declared documents, invoice, packing list, etc then this has nothing to do with the shipping lines.*
- ii. *Shipping lines cannot be held responsible or accountable as guided by the Bill of Landing Clause and Carriage of Goods by Sea Act.*
- iii. *SAM hope that customs can understand and take note of this clarification and will not place the shipping lines accountable in such situation.*

3.5.1.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:

- i. *Pengertian tentang klausa *shipper's load and count CY/CY* di dalam *Bill of Landing* adalah benar, di mana ia merujuk kepada *shipper's load and count* kontena yang dijalankan oleh pihak pengirim.*
- ii. *Namun, sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mengangkut muatan, syarikat perkapalan perlu memastikan bahawa muatan tersebut selamat dan mematuhi undang-undang berkaitan. Ini termasuk memeriksa dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pengirim untuk memastikan kelayakan muatan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakstabilan atau kekurangan dalam muatan, syarikat perkapalan harus melaporkan kepada Kastam untuk tindakan lanjut. Oleh itu, syarikat perkapalan tidak boleh sepenuhnya menolak tanggungjawab dalam situasi di mana terdapat*

ketidakselarasan atau ketidakpatuhan dengan peraturan kastam.

- iii. Maklumat berkaitan *Hague-Visby* atau *Hamburg Rules* menyatakan bahawa syarikat perkapalan perlu memberikan perhatian yang sewajarnya dalam menjalankan tanggungjawab mereka dalam pengangkutan muatan. Mereka harus memastikan keadaan kontena, pengangkutan dan penghantaran muatan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
- iv. Syarikat perkapalan juga perlu mengambil tindakan pencegahan yang munasabah, *take note of this clarification and will not place the shipping lines accountable in such situation*, untuk memastikan keadaan muatan dan kontena selamat semasa pengangkutan dan penghantaran.
- v. Di samping itu, semua pihak termasuk pihak perkapalan/penghantaran yang dibangkitkan di dalam usul ini, seharusnya mengamalkan kepatuhan terhadap ketekunan sewajarnya (*due diligence*) apabila berurusan dengan aktiviti perkapalan/penghantaran. Terdapat perundangan yang memperuntukkan keperluan ketekunan sewajarnya antaranya (dan tidak terhad kepadanya) adalah:
 - a. Seksyen 35H, AK 1967 – *License Carrier*
 - b. Seksyen 100, AK 1967 - *Documents to be produced on demand*
 - c. Seksyen 100A, AK 1967 – *Records relating to customs matters*
 - d. Seksyen 100B, AK1967 - *Requirement to provide translation*
 - e. Seksyen 101, AK 1967 – *Persons legally bound to give information*

- f. Seksyen 105, AK 1967 - *Packing of dutiable goods*
 - g. Seksyen 133, AK 1967 - *Penalty on making incorrect declarations and on falsifying documents*
 - h. Seksyen 134, AK 1967 - *Penalty on refusing to answer questions or on giving false information*
 - i. Seksyen 135A, AK 1967 – *Penalty for offences relating to data stored in a computer*
 - j. Seksyen 136, AK 1967 - *Penalty for assaulting or obstructing officers of customs and rescuing goods*
 - k. Seksyen 139, AK 1967 – *Attempts and abetments*
 - l. Seksyen 140, AK 1967 – *Offences by bodies of persons and by servants and agents*
- vi. Secara kesimpulannya, walaupun klausa *shipper's load and count CY/CY* di dalam *Bill of Lading* memerlukan pengirim untuk memikul tanggungjawab, syarikat perkapalan juga mempunyai tanggungjawab yang sama pentingnya dalam memastikan pengangkutan dan penghantaran muatan yang selamat dan mematuhi peraturan. Oleh itu, syarikat perkapalan tidak boleh hanya bergantung kepada keterangan yang dikemukakan oleh pengirim dan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan keadaan muatan dan kontena selamat dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
- vii. Wakil daripada SAM telah memaklumkan berkenaan permintaan agar pihak JKDM membuat penilaian dan penyiasatan yang terperinci sekiranya berlaku sebarang isu dah ketidakpatuhan terhadap muatan dan kontena yang dibawa.

- viii. JKDM juga akan membuat siasatan lanjut sekiranya terjadi sebarang kes sebelum menjatuhkan sebarang hukuman bagi memastikan hukuman yang diterima adalah adil dan saksama.
- ix. Bagi pihak ejen perkapalan / penghantaran pula, sekiranya terjadi sebarang kes, terdapat beberapa panel yang sama-sama akan menilai kes tersebut sama ada perlu digantung lessen atau tidak.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.2 Role Of The Shipping Line - SAM

3.5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum:

As per the terms stipulated in The Carriage of Goods by Sea Act 1950, incorporating all amendments up to 1 January 2006.

The shipping line as per the Bill of Lading is only accountable to ensure that the container are received, loaded at the port of loading and delivered to the port of discharge within the promised time.

3.5.2.2 Cadangan:

If there is any dispute or discrepancies found by RMCD on the importer declared documents, invoice, packing list, etc then this has nothing to do with the shipping lines.

Shipping lines cannot be held responsible or accountable as guided by the Bill of Lading Clause and Carriage of Goods by Sea Act 1950.

SAM hopes that customs can understand and take note of this clarification and will not place the shipping lines accountable in such situation.

3.5.2.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:

- i. Secara amnya, benar bahawa syarikat perkapalan mungkin tidak boleh dipertanggungjawabkan jika terdapat pengisytiharan yang salah oleh pengeksport, kerana mereka bergantung pada maklumat yang diberikan dalam dokumen penghantaran. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian dan syarat kepada peraturan ini.
- ii. Syarikat perkapalan dikehendaki mengesahkan kejituan maklumat yang diberikan dalam dokumen penghantaran, tetapi mereka mungkin tidak dapat mengesan semua kesilapan atau pengabaian. Contohnya, jika seorang pengeksport dengan sengaja mengisytiharkan kandungan kontena untuk mengelakkan membayar yuran penghantaran yang lebih tinggi atau untuk mengelakkan had undang-undang terhadap barang tertentu, syarikat perkapalan mungkin tidak menyedari penipuan ini.
- iii. Dalam kes-kes seperti ini, syarikat perkapalan masih boleh dipertanggungjawabkan jika dapat dibuktikan bahawa mereka cuai dalam tugas mereka untuk mengesahkan kejituan dokumen penghantaran, atau jika mereka gagal mengambil tindakan yang sesuai apabila menyedari masalah yang berpotensi. Sebagai contoh, jika syarikat perkapalan sedar akan aktiviti yang mencurigakan atau terdapat ketidakselarasan antara dokumen penghantaran dan kandungan kontena, mereka mungkin dikehendaki menyiasat lebih lanjut dan

mengambil tindakan yang sesuai untuk mencegah sebarang kerosakan.

- iv. Selain itu, terdapat beberapa situasi di mana syarikat perkapalan mungkin dipertanggungjawabkan secara ketat untuk kerugian atau kerosakan pada kargo, tanpa mengira kejituan dokumen penghantaran. Sebagai contoh, di bawah Peraturan *Hague-Visby* atau Peraturan *Hamburg*, yang mengawal pengangkutan barang melalui laut, syarikat perkapalan mungkin dipertanggungjawabkan secara ketat untuk kerugian atau kerosakan pada kargo yang berlaku semasa pengangkutan, kecuali mereka dapat membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh tindakan Tuhan, musuh awam, atau cacat asli dalam kargo.

Tindakan: Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.3 *Issues Relating to Implementation of MyExcise (faced by food industry under SSB) - FMM*

3.5.3.1 Mesyuarat mengambil maklum:

a. Company profile was not updated.

Industry noticed that there was irrelevant data captured in the system such as company profile and list of finished goods.

b. The system showed during training on March 8, 2023, and live system is different. In fact, the User Manual Content is very basic.

Some features in the system were not explained in the user manual. Thus, user also unsure of the data that should be keyed in.

c. Manual submission is completely disallowed.

Members would like to submit and declare for February submission but disallowed.

d. No amendment allowed after declaration.

Amendments/adjustments are not allowed in the system after submission of E7/E8. If there is any amendment, it has to be done manually including a manual remission application for overpayment.

e. Automatic cancellation.

After the E7 is submitted and approved by Customs in the system, payment must be made within 24 hours. After 24 hours the E7 is automatically cancelled and needs to be submitted again.

f. The price of goods per/unit must be stated mandatorily.

The price of goods per/unit does not affect the calculation of duties. In fact, this products' price may varies from time to time. Previously this information did not need to be submitted.

3.5.3.2 **Cadangan:**

- i. Industry would require more time to update the relevant information in the system.

- ii. *To provide more time to industry, at least 3 months, to ensure industry to familiarize the system and comply with the requirement.*
- iii. *Customs to allow manual submission at this time.*
- iv. *Proposed the following SOP:*
 - a. *Provisional declaration of E7/E8 prior to movement of products and subsequently allow the industry to amend/adjust in the system as final declaration.*
 - b. *To allow monthly payment for dutiable goods.*
- v. *It is recommended that Customs allow 7 days to complete the settlement. This is considering industry's internal payment procedure.*
- vi. *Suggested item price per/unit as optional/non-mandatory information.*

3.5.3.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan bahawa satu mesyuarat berkaitan isu yang dibangkitkan telah diadakan pada 17 April 2023. bersama FMM dan pihak industri. Perkara ini akan diselesaikan dalam mesyuarat berasingan

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.4 *Expedite Implementation of Online System for LMW - FMM*

3.5.4.1 Mesyuarat mengambil maklum:

As currently majority of the application process ie for importation of equipment and machinery parts used in production for LMW

companies are all manual submission, this delays the process for submission and approval of documents by LMWs.

3.5.4.2 Cadangan:

We understand that RMCD is working on introducing an online system for submission and approval of application made by LMWs. We hope that the online system can be expedited to improve efficiency and reduce the delays faced by LMWs.

3.5.4.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Pada masa ini Sistem SmartGPB sedang dalam peringkat ujian rintis melibatkan 10 buah syarikat GPB di Pulau Pinang.

Penggunaan sistem ini akan diperluaskan secara berperingkat bermula di Pulau Pinang mulai bulan Jun 2023 dan seterusnya diperluaskan secara berperingkat mengikut Zon (Utara, Tengah, Selatan & Timur) pada akhir tahun ini.

Tindakan: Bahagian Perkastaman

3.5.5 *Custom Duties (Exemption) Order 2022 – FMM*

3.5.5.1 Mesyuarat mengambil maklum:

Some of the HS codes listed in Butiran No. 104 in the Exemption Order 2017 do not correspond to the new HS codes under PDK 2022. Thus, it creates confusion for the industries as to whether they still can benefit from the import exemption for certain HS code or not.

Example of the case:

Following the latest update to the PDK, there have been changes to the HS 2101.11.1000 in PDK 2017 to corresponding

HS 2101.11.1100 or HS 2101.11.1900 in PDK 2022 as reference to the correlation table:

*[http://www.customs.gov.my/en/Documents/
CORRELATION%20TABLE%202022-2017/
CORRELATION%20TABLE_EXCEL_HS%202017-2022.pdf](http://www.customs.gov.my/en/Documents/CORRELATION%20TABLE%202022-2017/CORRELATION%20TABLE_EXCEL_HS%202017-2022.pdf)*

To-date, there is no update/ amendments to the Exemption Order 2017 Butiran No. 104, that provides for a blanket import duty exemption on the importation of goods under HS 2101.11.1000.

Pertukaran dari *bonded truck* ke *bonded truck* yang lain tidak dibenarkan kecuali *truck* tersebut terlibat dengan kemalangan atau kerosakan.

3.5.5.2 Cadangan:

Request for RMCD to expedite the implementation of Custom Duties (Exemption) Order 2022.

3.5.5.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkhidmatan Teknik telah menyatakan perkara berikut:

- i. Berdasarkan bengkel yang dihadiri oleh JKDM bersama MOF pada 8 hingga 10 Mei 2023, proses pengemaskinian dan penyelarasan bagi Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2023 akan mengambil masa yang lama memandangkan akan terdapat penambahan butiran baharu oleh MOF.
- ii. Oleh yang demikian, JKDM akan membuat pindaan yang melibatkan isu yang dinyatakan melalui Perintah Duti Kastam (pengecualian) (pindaan) dan dijangka siap selewat-lewatnya akhir Jun 2023.

Tindakan: Bahagian Perkhidmatan Teknik

3.5.6 *Requirement for Detailed Information by Perlis State Customs - FMM*

3.5.6.1 Mesyuarat mengambil maklum:

Recently RMCD Perlis have circulated this document/ form for companies to complete citing this is a requirement for import verification. However, the information required in this form is beyond commercial and trade information but include requirement for data on company Director personal bank account, name list of employees and vehicle number. The form also specifies requirement for information on whether the goods are imported product is for wholesale or retail.

3.5.6.2 Cadangan:

Request for further understanding why the form is required and the specific information will need to be provided as no other Customs station / state has requested for this information.

3.5.6.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Wakil daripada JKDM Perlis telah menyatakan perkara berikut:

- i. Borang yang dimaksudkan itu adalah diwujudkan hasil inisiatif pegawai bertujuan untuk mengumpul maklumat syarikat yang akan diaudit. Data / maklumat yang dimohon tersebut adalah menjadi satu garis panduan kepada pegawai pematuhan dalam membuat perancangan audit dan merupakan satu langkah penting analisis maklumat bagi memastikan pengauditan yang dijalankan adalah lancar dan bersistematik.

- ii. Maklumat dari syarikat yang dikumpul akan dianalisa oleh pegawai audit bagi membantu mengenalpasti petunjuk risiko (*red flags*) atau isu-isu audit bagi menentukan tindakan pengauditan selanjutnya keatas syarikat/auditi. Ianya juga membantu untuk menjalankan audit berfokus dan dapat menentukan dokumen yang perlu disemak selanjutnya. Secara tidak langsung ianya juga dapat menyegerakan tempoh masa pengauditan kerana isu audit telah dikenalpasti pada peringkat awal.
- iii. Borang ini juga telah dipraktikkan telah lama sejak 2010 lagi dan selepas Perintah Tetap Pematuhan Bil. 2 (PETUa 2) – Perancangan Audit diperkenalkan pada 03 Februari 2020 kebanyakan pegawai tidak lagi menggunakan borang tersebut kerana berpandukan senarai semak yang disediakan di dalam Perintah Tetap Pematuhan Bil. 2 tersebut. Maklumat-maklumat yang diperlukan seperti di dalam borang tersebut juga sememangnya terdapat di dalam senarai *checklist* PETUa 2 tersebut.
- iv. Di antara contoh justifikasi bagi isu maklumat yang dibangkitkan:
 - a. Maklumat akaun persendirian pengarah

Pemeriksaan akan dibuat sekiranya disyaki adanya pembayaran barangan yang diimport menggunakan akaun peribadi pengarah dimana bertujuan bagi merendahkan nilai barang dan cukai terlibat (auditan Pasca Import).
 - b. Senarai pekerja

Semakan senarai pekerja bertujuan memastikan nilai *output* yang diikrar adalah wajar berbanding

kos perkerja yang perlu ditanggung (auditan GST).

c. Senarai kenderaan syarikat

Semakan ini bertujuan memastikan hanya kenderaan syarikat sahaja layak menuntut input tax (auditan GST)

d. Sama ada barangan diimport untuk pasaran borong atau runcit

Maklumat ini diperlukan bagi menilai kewajaran harga jualan barangan syarikat didalam menganalisa *output* yang diikrar syarikat (auditan GST).

- v. Pengerusi Bersama menyatakan auditan yang dibuat oleh pihak JKDM kadang kala merangkumi pemeriksaan akaun peribadi pengarah-pengarah syarikat yang dirasakan tidak bersesuaian dan tidak sepatutnya perlu dikemukakan oleh pihak syarikat.
- vi. Dato' Abdul Halim bin Ramli, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) berpendapat auditan tersebut hanya untuk kegunaan dalam JKDM sahaja bagi tujuan audit dan verifikasi sahaja.
- vii. Pengerusi Mesyuarat menyatakan perkara ini akan dibuat penelitian lanjut oleh pihak JKDM di mana JKDM akan mengkaji semula dokumen-dokumen sensitif yang perlu dikemukakan oleh pihak syarikat semasa proses verifikasi.

- viii. Kajian tersebut akan menentukan sama ada perlu atau tidak dikemukakan dokumen-dokumen yang difikirkan sensitif dan tidak perlu.

Tindakan: Bahagian Pematuhan

3.5.7 Individual application for SST exemption for cases of Return after Repair - CAPEC

3.5.7.1 Mesyuarat mengambil maklum:

Currently consignee need to apply for such exemption specific for each shipment even though the full documentation of exportation is already available.

This additional layer of transaction for consignee to make the application and slow down the process of re-importation of repaired shipment.

3.5.7.2 Cadangan:

For Customs to support on waive the needs to apply for SST Exemption for Return after Repair (C2R).

Customs to accept the export K2 for import shipment being exempted - import tax under butiran 38 and SST under butiran 36.

Current, the assessment insists for both Export K2 form and SST cert.

3.5.7.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Cukai Dalam Negeri menyatakan bahawa berdasarkan kepada Para 4(a)(i) PCJ (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018,

pengimport masih perlu memohon dan mengemukakan sijil pengecualian serta borang Kastam 2 semasa pengimportan. Keperluan memohon sijil pengecualian dan pengikraran borang Kastam 2 masih terpakai.

- ii. Walau bagaimanapun, CAPEC memaklumkan syarikat tidak mengetahui tentang keperluan untuk memohon sijil pengecualian di bawah butiran 37 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 dan pengecualian Cukai Jualan di bawah butiran 36 (Jadual A) PCJ (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- iii. Dato' Abdul Halim bin Ramli menyatakan Pengarah Kastam Negeri seluruh Malaysia mengambil maklum berkenaan perkara ini dan meminta untuk di uar-uarkan kepada pemain industri berkaitan di stesen masing-masing.
- iv. Wakil daripada MIA memberi cadangan untuk memasukkan minit mesyuarat ini ke dalam laman web atau portal rasmi JKDM. Pengerusi Mesyuarat memutuskan bahawa petikan minit yang berkenaan boleh dimasukkan dalam laman web. Walau bagaimanapun, minit mesyuarat lengkap hanya untuk ahli mesyuarat yang terlibat sahaja, dan tidak boleh dimuatnaik ke dalam laman web Jabatan.
- v. CAPEC juga mengambil maklum akan memberi makluman berkenaan perkara ini kepada pemain-pemain industri yang berdaftar di bawah CAPEC.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.8 Value uplift - CAPEC

3.5.8.1 Mesyuarat mengambil maklum:

- i. *We are facing issues with uplifting value in P24 station whereby officers in P24 while doing reassessment upon checking invoice & C1 forms, they always like to uplift FOB value, this not only delay our clearance activity but also when customer meet officer they are willing adjust to original value.*
- ii. *This resulted Fedex need to absorb duty & tax. Some shipments we proceed to pay due to urgency (Express) but some we return to office and arrange for POP, Samples and Catalogue which further delays for 2-3 days.*
- iii. *Officers aware that Fedex threshold is RM2000, and decision made to change value base shipper pay.*

3.5.8.2 Cadangan:

Expecting fair treatment with < 5% uplifting and considering urgency on express handling, then also stand with decision why it was uplift with concrete reason despite meet customer face to face. Be transparent with uplifting value base on goods & invoice value.

3.5.8.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:

Selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Seksyen 13 (1) Akta Kastam 1967, pegawai kastam yang hak boleh membuat taksiran sewajarnya. Selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Seksyen 13A Akta yang sama, mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan seorang pegawai kastam yang hak semasa taksiran tersebut, boleh membayar duti kastam

yang dilevikan di bawah bantahan (*Payment Under Protest*).

- ii. JKDM Pulau Pinang telah menyatakan perkara berikut:
 - a. P24 (KKUK) adalah satu-satunya cawangan di JKDM Pulau Pinang yang bertanggungjawab memberi pelepasan bagi dagangan berstatus *expedited shipment* (penghantaran cepat) bagi barangan kurier melalui mod udara di Pulau Pinang (Perintah Tetap Kastam Bil. 93). *Expedited shipment* ialah salah satu komitmen yang wajib dipenuhi oleh Jabatan di bawah artikel 7.8 WTO TFA (*World Trade Organization Trade Facilitation Agreement*) seperti berikut:-

“7.8.1 Each member shall adopt or maintain procedures allowing for the expedited release of at least those goods entered through air cargo facilities to persons who apply for such treatment, while maintaining customs control...”
 - b. Cabaran pegawai penaksir di P24 adalah perlu melaksanakan proses pelepasan Kastam dengan kadar segera selaras dengan komitmen Jabatan terhadap Artikel 7.8 WTO TFA di samping ini juga perlu memastikan tiada ketirisan berlaku.
 - c. Semakan melalui *crystal report* mendapati peratusan borang K1 yang melibatkan penilaian semula hanya 0.86% sahaja berbanding dengan jumlah borang K1 (*Non LMW*) yang diikrar oleh agen Fedex. Data adalah seperti berikut:-

	TAHUN 2022	TAHUN 2023 (JAN-APRIL)
JUMLAH K1 P24	754,205	207,931
JUMLAH K1 FEDEX	223,837	76,846
JUMLAH K1 LMW	166,923	56,502
JUMLAH K1 NON LMW	56,914	20,344
JUMLAH K1 UPLIFT	488	32
HASIL DISELAMATKAN	RM 112,164.03	RM 9,457.18
PERATUS UPLIFT DARI JUMLAH BORANG K1 NON LMW	0.86%	0.16%

- d. Berdasarkan data di atas, jumlah borang K1 di P24 adalah sangat tinggi dan penilaian semula dibuat atas borang K1 agen fedex adalah tidak sampai 1% sahaja.
- e. Tindakan yang telah diambil oleh P24 adalah telah mengarahkan pegawai penaksir yang membuat penilaian semula perlu mencatat sumber rujukan dalam sistem SMK.
- f. Berdasarkan Seksyen 13(2), Akta Kastam 1967, apabila suatu penilaian ke atas apa apa barang-barang telah dibuat oleh pegawai kastam yang hak, penilaian itu hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya.
- g. Pada dasarnya, proses taksiran yang dibuat oleh pegawai penaksir P24 adalah menepati kehendak

peraturan-peraturan dan perundangan yang telah ditetapkan.

- h. Perbincangan juga telah diadakan dengan wakil pihak agen Fedex Shaiful Bahri bin Ibrahim mengenai perkara ini pada 09 Mei 2023. Pihak agen telah bersetuju untuk memberi pendedahan kepada kakitangan syarikat mengenai isu ini supaya untuk merujuk semula kepada pegawai penaksir sekiranya tidak berpuas hati dengan penilaian semula yang telah dibuat.
- i. Pihak agen juga diberi nasihat supaya sentiasa kemukakan dokumen sokongan (POP – *proof of payment*) supaya penilaian adalah tepat dan pihak agen boleh membayar duti kastam yang dilevikan di bawah bantahan (*Payment Under Protest*) di bawah Seksyen 13A Akta Kastam 1967 jika tidak berpuas hati dengan keputusan seorang pegawai kastam yang hak semasa taksiran tersebut.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.9 Duty Drawback – CAPEC

3.5.9.1 Mesyuarat mengambil maklum:

PEN Fedex having number of shipments absorb due to duty/tax dispute from value uplift and Fedex declaration errors.

Its challenging to perform duty drawback with a lot of time consume, paperwork requirement and distance for submission.

3.5.9.2 Cadangan

Possible to have option of duty drawback submission at individual station itself.

3.5.9.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkhidmatan Teknik menyatakan bahawa Dasar JKDM telah menetapkan bahawa segala permohonan *refund* perlu dikemukakan kepada Cawangan Perakaunan Hasil (CPH) Negeri sahaja kerana:-
 - a. Walaupun terdapat permohonan yang diterima di stesen, ianya tetap akan dihantar dan diproses oleh CPH Negeri dan perkara ini juga melibatkan masa dan jarak, maka adalah lebih baik bagi pihak syarikat untuk terus menghantar permohonan tersebut kepada CPH Negeri.
 - b. Segala keputusan adalah tertakluk kepada Pengarah Kastam Negeri untuk kelulusan selepas pemprosesan oleh CPH Negeri.
- ii. JKDM Pulau Pinang pula menyatakan perkara berikut:
 - a. Sekiranya dokumen yang dikemukakan pihak syarikat lengkap berdasarkan checklist.
 - b. Semua permohonan *refund drawback* perlu dikemukakan kepada Cawangan Perakuanan Hasil Negeri.
 - c. FEDEX Pulau Pinang mengemukakan 4 permohonan pada tahun 2022 dimana 2 permohonan di bawah Sek.16 Akta Kastam 1967 dan 2 permohonan di bawah Sek 39 Akta Cukai Jualan 2018. Semua permohonan telah diproses dan tidak ada sebarang permohonan untuk tahun ini.

- d. Syarikat mengemukakan usul untuk mengemukakan permohonan *drawback* di stesen P24, KKUK berbanding dengan Cawangan Perakaunan Hasil yang bertempat KKSJ, Seberang Jaya.
- e. Cadangan untuk meletakkan pegawai tambahan di stesen buat masa ini tidak dapat dipertimbangkan berikutan permohonan yang diterima hanyalah 4 permohonan dalam masa satu tahun.
- f. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pertambahan permohonan yang memerlukan pegawai tambahan diletakkan di stesen berkaitan untuk memproses permohonan, pihak JKDM akan mempertimbangkan mengikut kepada keperluan semasa.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.10 *Renewal of both forwarding agent license (BF) and the freight forwarder (BZ) license - FMFF*

3.5.10.1 Mesyuarat mengambil maklum:

We propose that forwarding agent should be able to renew both forwarding agent license (BF) and the freight forwarder (BZ) license concomitantly in 1 renewal application and both licences shall automatically be granted the same tenure (period of licence)

3.5.10.2 Cadangan

We believe this can simplify the renewal process, improve administrative processes and reduce repetitive work.

3.5.10.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:

- i. Secara asasnya Bahagian Perkastaman bersetuju dengan cadangan FMFF. Walau bagaimanapun, satu kajian lanjut akan dibuat.
- ii. Cadangan ini akan melibatkan pindaan ke atas tempoh kelulusan lesen agen yang berbeza yang akan disamakan untuk kedua-dua kategori lesen ini. Perbincangan dengan Bahagian Teknologi Maklumat JKDM akan diadakan.
- iii. Hasil perbincangan akan dimaklumkan kepada FMFF dan mesyuarat ini pada masa akan datang.

Tindakan: Bahagian Perkastaman

3.5.11 *Tempoh Permohonan Pembaharuan Lesen Ejen – FMFF*

3.5.11.1 Mesyuarat mengambil maklum:

Customs Renewal License – Previously approval was obtained within 2 weeks from date of submission. Currently it takes up to 3 months to obtain approval from date of submission.

3.5.11.2 Cadangan:

We propose that if all the necessary details and documentation are in order when submitting for the renewal of licence, the licence could be renewed within 2 weeks or within 1 month.

Presently, the renewal process varies. Some within 2 weeks while others could take up to three months.

Customs Putrajaya to come up with a standard time frame for the renewal of licences.

3.5.11.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:
 - a. Permohonan pembaharuan lesen ejen hendaklah dikemukakan 90 hari sebelum tamat tempoh kelulusan. Tempoh ini diambil kerana pihak Unit Kawalan Ejen Negeri (UKE) memerlukan masa untuk memproses permohonan kerana ia akan melibatkan bahagian-bahagian dan unit lain dalam JKDM yang berkaitan seperti tapisan keselamatan dan ABT.
 - b. Oleh yang demikian, syarikat dinasihatkan untuk menghantar permohonan pembaharuan dalam tempoh yang ditetapkan bagi menimbulkan masalah dimana pembaharuan lesen tidak dapat dibuat ketika ia tamat tempoh.
 - c. Walau bagaimanapun untuk makluman, Bahagian Perkastaman telah mengambil inisiatif dengan mengurangkan senarai semak yang diperlukan semasa pembaharuan lesen. Senarai semak yang melibatkan perubahan kepada maklumat SSM perlu dikemukakan manakala senarai semak lain tidak lagi menjadi keperluan mandatori tetapi pegawai yang memproses boleh memintanya sekiranya dirasakan perlu.

- ii. Wakil daripada FMFF telah menyatakan perkara berikut:
 - a. Persefahaman telah dicapai di antara FMFF bersama UKE Selangor di mana buat masa ini tiada sebarang lesen yang disekat oleh pihak UKE Selangor.
 - b. FMFF juga memohon agar pihak JKDM mempermudah urusan pembaharuan lesen dengan meminimumkan permintaan untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang tidak diperlukan sekiranya tiada perubahan dibuat oleh syarikat atau ejen terlibat. Sebagai contoh, dokumen KWSP dan SSM sudah mencukupi sekiranya dokumen-dokumen tersebut telah menunjukkan sebarang perubahan di dalam syarikat. UKE tidak perlu meminta pihak syarikat mengemukakan dokumen lain di mana ia memerlukan lebih banyak masa dalam urusan pembaharuan lesen.

- iii. Wakil daripada JKDM Selangor, telah menyatakan perkara berikut:
 - a. Jumlah ejen di Selangor adalah sangat tinggi. Kadangkala pegawai-pegawai di UKE keliru permohonan mana yang perlu didahulukan, sama ada permohonan lesen yang sudah mati selama 3 bulan atau permohonan lesen yang baharu mati tetapi permohonan telah dihantar awal. Kedua-dua permohonan ini juga diperlukan dengan kadar segera oleh para pemohon.
 - b. Buat masa ini, Selangor mengguna pakai cara dengan menyegerakan urusan pemohon yang sudah mati lesen dahulu, tetapi agak tidak adil

bagi pemohon yang membuat permohonan awal walaupun lesen mereka masih belum mati.

- c. Wakil daripada Selangor memohon agar FMFF mewar-warkan kepada ahli-ahli yang berdaftar di bawah FMFF untuk menyahut cabaran (*accept the challenges*) untuk menghantar permohonan pembaharuan lesen dengan 3 bulan lebih awal. Setiap pemohon perlu memahami pihak UKE akan mengikut aturan permohonan untuk diproses dimana siapa hantar permohonan lewat, akan diproses lewat mengikut aturan penerimaan permohonan (*first come, first serve basis*).
- iv. Pengerusi Mesyuarat berkata akan mempertimbangkan cadangan FMFF untuk mempermudah urusan pembaharuan lesen (*simplify the process of renewal*) di mana JKDM juga sedang dalam proses ke arah mempermudah urusan perdagangan di seluruh negara di samping bergerak secara *paperless* di dalam setiap urusan.

Tindakan: Bahagian Perkastaman

3.5.12 COMPANY FORWARDING AGENT - FMFF

3.5.12.1 Mesyuarat mengambil maklum:

Company Forwarding Agent – What is the duration required to change the company name without changing the board of director.

3.5.12.2 Cadangan

There is no standard time frame on this by State Customs.

We propose Customs Putrajaya come up with a standard time frame to accept the change of company name where there is no change in the Board of Directors. Once, the company name change has been approved by SSM, Customs should duly accept the name change.

3.5.12.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara seperti berikut:

- i. Tiada tempoh masa standard ditetapkan untuk kelulusan permohonan pertukaran nama syarikat ditetapkan oleh JKDM. Untuk makluman, pertukaran nama syarikat tidak akan menyebabkan kesan kepada tempoh kelulusan lesen. Syarikat masih boleh membuat pengikraran borang kastam dengan menggunakan nama syarikat yang lama sehinggalah permohonan pertukaran nama diluluskan oleh JKDM.
- ii. Walau bagaimanapun sekiranya syarikat memerlukan pindaan ini dengan kadar segera, syarikat boleh mendapatkan satu surat pemakluman sementara dari UKE negeri sementara menunggu perubahan nama dalam SMK.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.13 *Termination Of MYSTAT Service - FMFF*

3.5.13.1 Mesyuarat mengambil maklum:

DNT will terminate the MYSTAT service due to Data Protection policy of the Royal Malaysia Custom effective from May 1st 2023.

The MYSTAT service is a fully comprehensive system and most of the members are using this report to support their customer on their M1/M2 report to Custom.

ALDEC system cannot support and provide the report as MYSTAT service.

3.5.13.2 Cadangan

FMFF propose:

- i. That DNT upgrade the ALDEC system similar to MYSTAT service, with the agreement of Customs.*
- ii. Whether Customs can provide an alternative option to replace MTSTAT.*

3.5.13.3 Mesyuarat membuat keputusan:

Bahagian Perkastaman telah menyatakan perkara berikut:

- i. Perkongsian data di bawah *National Single Window* (NSW) kepada pihak lain tertakluk kepada kelulusan pihak Kerajaan.*
- ii. JKDM mencadangkan agar pihak industri memohon terus kepada JKDM mengenai data-data yang diperlukan.*
- iii. Berkenaan dengan alternatif untuk menggantikan MYSTAT, JKDM mencadangkan agar pihak industri mengusulkan perkara ini kepada Kementerian Kewangan (MOF).*
- iv. Merujuk kepada perkara 1, sebarang kelulusan mengenai NSW adalah di bawah bidang kuasa MOF.*

- v. Wakil daripada MOF juga menyatakan telah mengambil maklum perkara berkenaan.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.14 Goods Imported Using MIDA Exemption 14(2) – AFAM

3.5.14.1 Mesyuarat mengambil maklum:

- i. *Goods imported under MIDA exemption 14(2) must be imported within the validity period. Currently, Customs does not accept shipments that arrive prior to MIDA exemption period.*
- ii. *However, since Northport and Westport in Port Klang are Free Commercial Zone (FCZ) areas, the goods should be allowed to be imported in before the validity period of the MIDA exemption while Customs clearance shall be done within the validity period of the MIDA exemption letter.*
- iii. *Possible reasons for the delay in MIDA applications can be due to:*
 - a. *Shipping documentations.*
 - b. *New product specifications, HS classifications, input / output ratio analysis.*
 - c. *Extensive build of materials for finish products (eg: automotive CKD's)*

3.5.14.2 Cadangan:

- i. *Thus, we suggest since Northport and Westport in Port Klang are Free Commercial Zone areas, the goods should be allowed to be imported before the validity period of the MIDA exemption.*

- ii. *Customs clearance shall be done within the validity period of the MIDA exemption letter.*
- iii. *In the event RMCD disagrees with this proposal, please let us know the rationale for the disagreement.*

3.5.14.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Wakil daripada JKDM Selangor menyatakan Dagangan import di bawah pengecualian MIDA 14(2) layak diberikan pelepasan berdasarkan tempoh yang diberikan. Bagi dagangan yang tiba sebelum tempoh diluluskan, syarikat dicadangkan membuat pelepasan menggunakan *Bank Guarantee*.
- ii. Wakil daripada AFAM memaklumkan pihak AFAM sudah membuat mesyuarat dengan ejen di bawah AFAM yang membuat usul ini dan ternyata terdapat sedikit kekeliruan ejen terbabit berkenaan perkara ini.
- iii. Wakil daripada MIA membangkitkan sama ada pindaan kepada Akta Kastam 1967 bahawa zon bebas tidak lagi dianggap di luar Malaysia sebaliknya dianggap berada di luar KUK sahaja mempunyai implikasi terhadap usul ini. Ini adalah kerana syarat pengecualian biasanya menandakan pengecualian adalah untuk barang yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh pengecualian. *Bank guarantee* pula diperlukan dalam keadaan pengimportan ke Malaysia dibuat dalam tempoh pengecualian yang telah dipohon (tetapi surat pengecualian masih belum dikeluarkan). Selepas pindaan Akta tersebut, zon bebas bukannya di luar Malaysia dan jika barang dibawa masuk dari luar negara ke zon bebas, ianya dianggap telah diimport ke dalam Malaysia justeru tertakluk kepada duti sekiranya pengimportan tersebut dibuat sebelum tempoh pengecualian namun boleh disimpan dalam zon bebas

tanpa pembayaran duti sehingga pelepasan dari zon bebas ke KUK.

- iv. Puan Rozila binti Mustaffa daripada Unit Guaman Kriminal menjelaskan bahawa apa-apa barang yang dibawa masuk dari luar Malaysia ke zon bebas adalah masih dianggap diimport. Namun, syarat pengecualian menandakan pengecualian adalah untuk barang yang telah “diimport / dilepaskan daripada kawalan kastam” dalam tempoh pengecualian. MIA menandakan bahawa penjelasan MOF bahawa syarat pengecualian menandakan “diimport / dilepaskan daripada kawalan kastam” boleh menjadi asas untuk pihak Kastam membenarkan pengecualian duti bagi barang yang diimport dari luar negara ke dalam zon bebas selagi syarat pelepasan daripada kawalan kastam adalah dalam tempoh pengecualian.
- v. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri) memutuskan supaya pihak Kastam mengambil pendekatan berdasarkan syarat pengecualian “diimport/dilepaskan daripada kawalan kastam” bahawa barang boleh diimport ke dalam zon bebas sebelum tempoh pengecualian tanpa pembayaran duti dan boleh dilepaskan dari zon bebas ke KUK dalam tempoh pengecualian dengan pengecualian duti.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.15 *Temporary Import Of Cars For Non-Commercial Purposes – AFAM*

3.5.15.1 Mesyuarat mengambil maklum:

- i. *Currently cars are imported for R&D purposes by assemblers, temporary imports (other than ATA Carnet) or homologation purposes. For these methods of import,*

a docket price needs to be applied & the application is to the technical division, which takes time.

- ii. *Hence it is requested that Customs facilitate for the exemption or removal of this docket price requirement for such specific "non-commercial purposes"*
- iii. *This would benefit the industry by reducing clearance process time.*

3.5.15.2 Cadangan:

Request that Customs facilitate for exemption or removal of the docket price requirement on such specific "non-commercial purposes".

3.5.15.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Wakil daripada Bahagian Perkastaman memaklumkan dasar sedia ada menyatakan semua kenderaan import perlu mempunyai nilai warta untuk penentuan jumlah duti/cukai yang perlu dibayar oleh pihak pengimport (jika berkenaan). Cadangan pihak AFAM untuk mengecualikan keperluan nilai warta memerlukan kajian lebih lanjut dan keputusan tertinggi jabatan.
- ii. Wakil daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik pula menyatakan perkara berikut:
 - a. Cawangan Penilaian tiada halangan terhadap cadangan no. 15. Nilai kastam kenderaan yang diimport untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (bukan untuk tujuan perdagangan) hendaklah berdasarkan kepada nilai urus niaga sebagai dasar utama penilaian selaras dengan Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.

- b. Adalah dicadangkan juga supaya pengimport mendapat kelulusan terlebih dahulu berhubung bilangan kenderaan yang akan diimport untuk tujuan tersebut untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.16 Bonded Warehouse – AFAM

3.5.16.1 Mesyuarat mengambil maklum:

The current approval for the storage at bonded warehouse allows for storage of up to 2 years with an option to renew or extend for a further 1 year.

3.5.16.2 Cadangan:

- i. *We suggest that RMCD allow a maximum 5 years period for product storage. This is based on the current demand / needs of the industry whereby the warranty period for factory machinery is up to 5 years. Thus, suppliers import replacement machinery parts for the warranty items and store them in the bonded warehouse.*
- ii. *These customers are manufacturers with LMW status and have obtained exemption on import duty / sales tax for the replacement machinery parts that are used for the manufacturing.*

3.5.16.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Wakil daripada Bahagian Perkastaman memaklumkan berdasarkan peruntukan sedia ada, barang-barang dibenarkan disimpan di dalam Gudang Berlesen untuk tempoh 2 tahun dari tarikh masuk ke dalam Gudang Berlesen. Sekiranya pemegang lesen memerlukan

tempoh lanjutan, permohonan boleh dikemukakan kepada stesen kastam yang mengawal Gudang Berlesen berkenaan.

- ii. Wakil daripada AFAM memaklumkan perkara ini dibangkitkan oleh ejen penghantar daripada *multinational corporation* (MNC).
- iii. Wakil daripada Perkastaman juga bersetuju untuk memproses permohonan ini secara *case-to-case basis*.

Tindakan: Makluman / Selesai

3.5.17 E-Commerce And Courier Shipments At Kota Kinabalu International Airport - AFAM

3.5.17.1 Mesyuarat mengambil maklum:

- i. *There has been increased demand of e-commerce and courier shipments into Kota Kinabalu International Airport. Airlines now operate flight schedules with arrivals and departures on afternoons and late evenings to meet the passenger and cargo demands.*
- ii. *Currently Kota Kinabalu Customs are working office hours only and closed after 5pm, weekends and public holidays. Freight forwarders are not able to clear and deliver urgent shipments on same day arrival. Huge backlog are created at Cargo Terminal Operators (CTO) when Customs do not entertain clearance after normal working hours and weekends/public holidays.*
- iii. *Sabah Customs Chairman had principally agreed at the meeting on 17th January 2023, that Customs will be open for clearance until 11pm and instructed his team to follow this instruction. Forwarders are required to submit pre-alerts 2 hours prior to 5pm for overtime arrangement.*

- iv. *As of 19th April 2023, there has been no improvement and forwarders are at the mercy of Customs to have all clearance done during 9AM to 5PM ONLY.*

3.5.17.2 Cadangan:

Propose that Customs implement the arrangement reached during the meeting with Sabah Customs Chairman on 17th January 2023 i.e. that Customs will be open for clearance until 11PM daily when forwarders submit pre-alerts 2 hours prior to 5PM for overtime arrangement.

3.5.17.3 Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Wakil daripada JKDM Sabah memaklumkan tindakan telah diambil untuk membenarkan permohonan kerja lebih masa kepada ejen-ejen yang membuat permohonan lebih masa yang lengkap sentiasa diberi pertimbangan dan seterusnya diluluskan.
- ii. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah memaklumkan perkara ini telah diselesaikan di peringkat dalaman.

Tindakan: Makluman / Selesai